

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

## SIARAN MEDIA

### MyCC MELANCARKAN KAJIAN SEMULA PASARAN BAGI SEKTOR PENGANGKUTAN

**KUALA LUMPUR, 5 OKTOBER 2021** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah melancarkan kajian semula pasarannya yang ke-7, bertajuk “Kajian Semula Pasaran di bawah Akta Persaingan 2010 bagi Sektor Pengangkutan di Malaysia (Ekosistem Logistik Pelabuhan dan Waranti Kenderaan Bermotor) hari ini. Pelancaran Kajian Semula Pasaran ini telah dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi di pejabat MyCC, Kuala Lumpur.

Kajian Pasaran ini menunjukkan melalui pelbagai bukti dan data mengenai amalan antipersaingan dalam skop kajian ini dan MyCC juga telah mengemukakan cadangan yang bertujuan untuk membangunkan sistem logistik yang efisien dengan mengurangkan halangan pengawalselian bagi memudahkan kemasukan ke dalam pasaran dan memupuk persaingan di dalam pasaran.

Kajian Pasaran Sektor Pengangkutan ini telah mendapati sejumlah 15 isu dalam ekosistem logistik pelabuhan dan 4 isu dalam waranti kenderaan bermotor yang terdiri daripada isu persaingan, isu yang didorong oleh pasaran dan isu pengawalseliaan di dalam sektor pengangkutan terpilih. Isu-isu yang didapati dalam laporan ini juga menimbulkan kesulitan di beberapa bidang, dan tindakan segera perlu dilaksanakan bagi mengatasi cabaran-cabaran ini. MyCC telah mengusulkan lebih daripada 30 cadangan untuk mengatasi isu-isu serta memperbaiki situasi di dalam pasaran yang dikaji.

Antara cadangan yang dikemukakan bagi subsektor Ekosistem Pelabuhan Logistik termasuklah:

- i. bagi MyCC menggunakan kuasa penguatkuasaannya untuk menentukan sama ada berlakunya kartel dalam penetapan *landside charges*, *shipping liner charges*, *depot gate charges*, dan *Fuel Adjustment Factor*;
- ii. mengubah dasar dalam perjanjian konsesi bagi operator pelabuhan;



UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

- iii. menyelesaikan masalah pengawalseliaan dan isu yang didorong oleh pasaran yang berkaitan dengan prosedur kastam, rangka pengawalseliaan, penyeragaman dan pelesenan pemain industri *off-dock* dan *on-dock*; serta memberikan kuasa kawalan penggabungan dan pengambilahan kepada MyCC.

MyCC juga telah mencadangkan beberapa penambahbaikan dalam pasaran Waranti Kenderaan Bermotor seperti:

- i. menggunakan kuasa penguatkuasaan MyCC untuk menentukan sama ada urus niaga pengeluar kereta dalam industri pembaikan menimbulkan isu berkaitan persaingan; dan
- ii. memperkenalkan *Lemon Law* dan menambahbaik proses waranti bagi melindungi kepentingan pemilik kenderaan.

"Hasil kajian ini secara jelas telah menunjukkan bahawa dasar dan peraturan yang jelas bersifat pro-persaingan serta persekitaran perniagaan yang kondusif adalah penting bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna. Peningkatan persaingan akan diterjemahkan kepada pertumbuhan produktiviti, dinamik perniagaan dan inovasi, di mana semua ini adalah penting untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi setelah pandemik," kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC dalam merujuk kepada faedah dan kepentingan persaingan dalam pasaran berkaitan.

Setelah pelancaran Kajian Pasaran ini, MyCC bersama *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) juga telah melancarkan laporan "OECD Competition Assessment Reviews: Logistics Sector in Malaysia" dan "OECD Competitive Neutrality Reviews: Small Package Delivery Services in Malaysia". Kedua-dua laporan ini memperincikan kajian terhadap pengawalseliaan dan undang-undang di dalam sektor logistik serta memberikan pandangan terhadap analisis ke atas peranan dan kesan syarikat milik kerajaan kepada persaingan dalam penghantaran pakej kecil, yang penting dalam membantu pertumbuhan dalam e-dagang.

**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI**

MyCC percaya bahawa cadangan daripada Kajian Pasaran ini, jika dilaksanakan sepenuhnya, akan memberikan kesan positif yang besar terhadap ekonomi Malaysia, dan seterusnya melindungi kepentingan pengguna. Rangka tindakan cadangan Kajian Pasaran ini juga akan memberi kesan positif jangka panjang terhadap pekerjaan, produktiviti, pertumbuhan dan daya saing perniagaan di Malaysia dalam industri yang berkaitan.

Kajian Pasaran dan kedua-dua laporan OECD boleh didapati di [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

-tamat-

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Noor Azila Ahmad, Pengarah, Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit : +6019 268 7030

Emel : [azila@mycc.gov.my](mailto:azila@mycc.gov.my)

**Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

## ANNEXE A

### **Nota Pengarang:**

**Maklumat mengenai Seksyen 11 dan 12 Akta Persaingan 2010. Maklumat lanjut mengenai kajian semula pasaran seperti di bawah.**

#### ***Seksyen 11: Kuasa untuk menjalankan kajian semula pasaran***

Seksyen 11 (1) – Suruhanjaya boleh, atas inisiatifnya sendiri atau permintaan Menteri, menjalankan suatu kajian semula terhadap mana-mana pasaran untuk menentukan sama ada apa-apa ciri atau gabungan ciri pasaran itu menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.

Seksyen 11 (2) – Kajian semula itu termasuklah kajian mengenai--

- (a) struktur pasaran yang berkenaan;
- (b) perlakuan perusahaan dalam pasaran;
- (c) perlakuan pembekal dan pelanggan kepada perusahaan dalam pasaran; atau
- (d) apa-apa perkara berkenaan yang lain.

#### ***Seksyen 12: Keputusan kajian semula pasaran***

Seksyen 12 (1) – Apabila selesai kajian semula pasaran itu, Suruhanjaya hendaklah menyiaran laporan dapatan dan syornya.

Seksyen 12 (2) – Laporan Suruhanjaya itu hendaklah dijadikan tersedia kepada orang awam.